

Besut: Lebih 50 Peratus Pengundi Ditemui, Sokongan Kepada BN Menggalakkan Bernama
16 Julai, 2013

KUALA BESUT, 16 Julai (Bernama) -- Dalam kempenya untuk menawan hati pengundi Kuala Besut pada pilihan raya kecil dewan undangan negeri itu, calon Barisan Nasional (BN) Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman telah menemui lebih 50 peratus penduduk di kawasan itu.

"Nampak sambutannya baik," katanya kepada pemberita semasa bertemu penduduk di sekitar Kuala Besut di sini Selasa.

Tengku Zaihan, 37, atau panggilan mesranya 'Abe Ku' berkata sasaran untuk menemui kesemua pengundi akan dicapai tidak lama lagi.

"Dalam kempen hari kelima ini, saya dengan jentera semakin teruja untuk bertemu lebih ramai lagi khasnya pengundi muda dan kita akan teruskan dan perhebatkan lagi kempen ini.

"Walaupun di pusat daerah mengundi (PDM) yang kita kalah sekalipun, pendekatan kita tetap sama iaitu majlis terbuka puasa, solat, moreh dan lain-lain lagi," katanya.

Abe Ku, seorang jurutera, kelihatan sentiasa memberi salam, bersalaman, senyum, dan tunduk tanda hormat kepada pengundi yang ditemuinya tanpa rasa kekok untuk bersama masyarakat.

Di satu majlis di Kampung Baharu, beliau menemui beberapa guru agama dan sempat berpelukan dengan mereka sambil menerangkan bahawa sokongan yang bakal diberikan pastinya digalas sebaik mungkin dengan mendahulukan tanggungjawab kepada rakyat.

Anak tempatan itu akan ditentang calon PAS, Azlan Jusoh, 48, seorang ahli perniagaan dalam PRK Kuala Besut yang akan diadakan pada 24 Julai ini.

Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dan kekosongan DUN Kuala Besut berlaku berikutan kematian penyandanganya Dr A Rahman pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963650>